



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR** **19 Nov2021 (Friday)**

### **Berita Harian**

|   |   |
|---|---|
| Produk jenama Ehsan pasar hasil petani Selangor | 1 |
| Sasar tarik pelaburan berteknologi tinggi       | 2 |

### **Harian Metro**

|  |   |
|--|---|
| Industri agromakanan: Selangor diperuntuk RM6.36j      | 3 |
| Guru KAFA Selangor enggan divaksin boleh dibuang kerja | 4 |
| PKPS sasar RM23 juta nilai jualan produk Ehsan         | 5 |

### **Sinar Harian**

|                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| Guru KAFA tolak vaksin boleh dipekat | 6 |
| SIBS 2021 medium tarik pelabur luar  | 7 |
| McDonald's bayar zakat RM2 juta      | 8 |

### **Astro Awani**

|                                      |   |
|--------------------------------------|---|
| Perluas Peluang Teroka Pasaran Asean | 9 |
|--------------------------------------|---|

### **Bernamea Radio 24**

|                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| Perluas Peluang Teroka Pasaran Asean | 10 |
|--------------------------------------|----|

### **The Star**

|   |    |
|---|----|
| Pricing guide unveiled for wholesalers, contractors           | 11 |
| Selangor ideal for foreign investors as a global business hub | 12 |
| 600 food boxes for Selangor's needy                           | 13 |
| Fun resumes on car-free road                                  | 14 |

### **The Sun**

|  |    |
|--|----|
| Selangor launches action plan to attract biotech investors, talent | 15 |
| S'GOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT, IN HYBRID MODE, BEGINS        | 16 |

### **Bernamea News Channel**

|  |    |
|--|----|
| Selangor International Business Summit Kicks Off Physically, Virtually | 17 |
|--|----|

### **The Malaysian Reserve**

|  |    |
|--|----|
| ATTRACTING BUSINESSES                          | 18 |
| Selangor aspires to become global business hub | 19 |

### **Guang Ming Daily**

|   |    |
|---|----|
| Shah Alam promote engineering quotation guideline ; Contractors can purchase from now | 20 |
|---|----|

### **Makkal Osai**

|   |    |
|---|----|
| Selangor set to become high-tech manufacturing centre | 21 |
|---|----|

### **Malaysia Nanban**

|  |    |
|--|----|
| Selangor Crown Prince praises SJKT Taman Melawati students | 22 |
|--|----|



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |   |
|-------------------------|---|---|
| <b>19 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                  | : | Berita Harian                                   |
| Tajuk Berita            | : | Produk jenama Ehsan pasar hasil petani Selangor |
| Muka Surat              | : | 25  |

## Produk jenama Ehsan pasar hasil petani Selangor

**Kuala Lumpur:** Pengeluar produk tani di Selangor dijangka tidak perlu bergantung lagi kepada peranan orang tengah untuk memasarkan hasil keluaran mereka menerusi inisiatif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang melancarkan projek jenama 'Ehsan'.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi, berkata pihaknya akan cuba mengurangkan peranan orang tengah bagi memberi keuntungan yang lebih kepada pengusaha produk pertanian itu sendiri.

"Pekebun dan pesawah boleh mengeluarkan hasil, tetapi isu timbul dari segi pemasaran kerana itu kita membantu memasarkan produk sedia ada di Selangor melalui projek ini, sekaligus cuba mengurangkan peranan orang tengah.

"Pada masa ini, kita sasar di Selangor berdasarkan inisiatif Menteri Besar iaitu inisiatif jaminan makanan Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS sem-

pena Selangor International Exhibition 2021 di sini, semalam, yang disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Dr Mohamad Khairil berkata, PKPS mampu menjaga sekurang-kurangnya RM23 juta nilai hasil jualan selepas setahun produk pertanian jenama Ehsan dilancarkan di pasaran.

Katanya, produk berasaskan makanan itu akan berada di pasar raya terkemuka, premis jualan PKPS, jualan dalam talian, pasar borong serta platform e-dagang mulai Januari tahun hadapan.

"Pada masa ini, ada 45 PKS menyertai projek jenama ini dan akan meningkat kepada 150. Sebagai permulaan, kita memasarkan 12 produk termasuk beras, minyak masak, gula dan ayam segar yang dikeluarkan dari ladang sendiri serta kita sasar boleh pasarkan 50 produk," katanya.

Beliau berkata, produk jenama Ehsan juga adalah inisiatif PKPS untuk menembusi industri runcit tempatan dengan



Tengku Amir Shah (dua dari kiri) diiringi Amirudin (kiri) dan Dr Mohamad Khairil melihat hasil tani pada Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS di KLCC, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

membantu memasarkan produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Selangor, termasuk yang terjejas akibat penularan COVID-19.

"Ini juga antara inisiatif kita dalam proses penjenamaan dan rombakan PKS berbanding tumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit kepada industri hiliran.

"Kita mempunyai 45 PKS dan

jumlah itu akan meningkat kepada 150 yang akan menyertai projek jenama Ehsan ini.

"Selain itu, sasaran kita sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan pada tahun pertama dan RM85 juta dalam tempoh tiga hingga empat tahun selepas produk Ehsan berada di pasaran.

"Kita juga dalam proses bekerjasama dengan pihak ketiga,

iaitu syarikat berkemampuan untuk memasuki ke pasaran peringkat nasional.

"Paling penting, apabila dapat masuk industri secara komersial, hasil yang diperoleh kita peruntukan RM2 juta hingga RM3 juta kepada rakyat menerusi program Agro Ehsan serta Bantu Ehsan untuk membantu mereka yang terjejas akibat COVID-19," katanya.



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |   |
|-------------------------|---|---|
| <b>19 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                  | : | Berita Harian                             |
| Tajuk Berita            | : | Sasar tarik pelaburan berteknologi tinggi |
| Muka Surat              | : | 45  |

# Sasar tarik pelaburan berteknologi tinggi

## Selangor tumpu pikat pelabur dengan keupayaan industri 4.0

Oleh Alzahrin Alias  
 zahrin@bh.com.my

**Selangor** menyasar untuk menjadi pusat pembuatan berteknologi tinggi dengan menarik penyertaan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke negeri itu.

Menteri Besarinya, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata ketika ini kerajaan negeri berusaha menarik pelabur dengan keupayaan industri 4.0 seperti automasi, internet untuk segalanya (IoT) dan robotik.

Beliau berkata, ketika ini Selangor adalah pusat perdagangan utama Malaysia berdasarkan lokasi strategiknya selain pengukuhan ekosistem yang menyeluruh, menjadikannya tumpuan pelabur asing dan domestik, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Malah, katanya sejak beberapa tahun yang lalu, Selangor berjaya menarik banyak pelaburan berimpak tinggi.

“Walaupun pandemik COVID-

19 memberi impak kepada ekonomi global termasuk Malaysia, Selangor masih lagi menerima pelaburan bernilai tinggi.

“Pada 2020, FDI dan pelaburan langsung domestik (DDI) yang direkodkan di negeri ini adalah RM38.7 bilion. Daripada jumlah itu, sebanyak RM18.4 bilion adalah untuk sektor pembuatan.

“Selangor terus merekodkan pertumbuhan ekonomi, walaupun pada kadar yang perlahan 2.09 peratus di tengah penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 5.6 peratus yang disebabkan oleh pandemik dan perintah kawalan pergerakan,” katanya pada majlis perasmian Selangor International Business Summit 2021 di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis dirasmikan oleh Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Amirudin berkata, bagi memastikan ekonomi negeri dan seterusnya ekonomi negara kekal berdaya tahan serta mampu berada di kedudukan kukuh untuk pemulihan, Selangor dengan pantas mempraktikkan pelbagai strategi.

Beliau berkata, walaupun Selangor berusaha untuk memberi

sokongan kepada rakyat, pada masa sama, tetap komited untuk memastikan kejayaan pelabur dari segi operasi dan pertumbuhan.

Katanya, tumpuan menyeluruh ini membolehkan pelabur di Selangor terus berkembang di tengah-tengah cabaran pandemik CO-

VID-19 dan akan terus menjadi faktor utama yang memacu minat pelabur ke Malaysia, khususnya di negeri itu.

“Disebabkan pandemik juga, pendigitalan menjadi faktor pemacu utama ekonomi global. Selangor juga tidak terkecuali mempercepatkan rancangan strategi membina ekosistem ekonomi digital.

“*The Smart Selangor Vision 2025*, walaupun dibangunkan sebelum pandemik melanda negara, ia direka untuk memberi kuasa kepada rakyat, perniagaan dan sektor awam mengoptimumkan teknologi digital.

“Langkah ini menjadi lebih penting sekarang dalam landskap sosial dan ekonomi yang baru. Ini akan memastikan Selangor kekal di barisan hadapan pendigitalan negara serta menyediakan asas kukuh kepada pelabur sektor teknologi tinggi dan nilai tambah,” katanya.



Amirudin Shari



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 November 2021

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Harian Metro                                      |
| Tajuk Berita | : | Industri agromakanan: Selangor diperuntuk RM6.36j |
| Muka Surat   | : | 19  |

# Industri agromakanan: Selangor diperuntuk RM6.36j

**Klang:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memperuntukkan RM6.36 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Selangor sebagai usaha menyokong pembangunan industri agromakanan negara tahun ini.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, peruntukan melalui Jabatan Pertanian itu merangkumi pelbagai insentif kepada golongan sasaran di Selangor.

“Kerajaan sudah memperuntukkan sebanyak RM3.6 juta bagi Program Kebuniti yang memberi manfaat kepada 117 komuniti yang terdiri daripada 1,400 golongan sasaran di negeri Se-

langor,” katanya.

Terdahulu beliau menyampaikan insentif pertanian bandar dan serahan bantuan Mafi Prihatin di Program Mafi Prihatin dan Walkabout Program Pertanian Bandar Negeri Selangor di Pangsapuri Sri Ayu, Bandar Putera di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Mafi Datuk Haslina Abdul Hamid dan Pengarah Pertanian Negeri Selangor, Azahar Ibrahim.

Sementara itu, Haslina berkata, prog-

ram berkenaan adalah platform terbaik pihak Mafi membantu kumpulan sasaran merasai kesan positif daripada limpahan ekonomi pertanian melalui projek pembangunan berimpak tinggi seperti Program Kebuniti Jabatan Pertanian.

Katanya, projek berkenaan kini semakin mendapat perhatian dan minat masyarakat kerana dapat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang begitu terkesan dengan pandemik Covid-19.

“Program ini turut mendapat kerjasama

Persatuan Gabungan Pkebun Buah-Buahan Malaysia (FMFFA) dan Persatuan Pkebun Buah-buahan Negeri Selangor/Kuala Lumpur yang melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui sumbangan 600 bakul makanan asas seperti beras gula, tepung untuk diserahkan kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti.

“Saya berharap sumbangan ini dapat membantu kebajikan dan meningkatkan semangat penduduk dalam suasana endemik ini.

“Saya merakamkan penghargaan kepada pihak industri yang memberikan sumbangan,” katanya.

**Kerajaan  
peruntuk RM3.6  
juta bagi Program  
Kebuniti**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 19 November 2021

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Harian Metro   |
| Tajuk Berita | : | Guru KAFA Selangor enggan divaksin boleh dibuang kerja |
| Muka Surat   | : | 26   |

# Guru KAFA Selangor enggan divaksin boleh dibuang kerja

**Sabak Bernam:** Tindakan tegas akan diambil terhadap guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Selangor yang berdegil tidak mahu menerima suntikan vaksin Covid-19.

Pengarah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, tindakan mengikut undang-undang itu termasuk diberhentikan kerja.

Beliau berkata, mengikut prosedur operasi standard (SOP), guru yang enggan mengambil vaksin tidak dibenarkan mengajar secara bersemuka.

“Untuk peringkat awal, kita akan berikan ingatan

dan amaran hingga ke peringkat kemungkinan di-berhentikan kerja.

“Kita tidak mahu menyusahkan mereka. Mengikut peraturan pekerjaan, guru ini boleh diambil tindakan jika ingkar arahan majikan,” katanya selepas Majlis Hari Kecemerlangan Pelatih dan Perasmian Dewan Baitul Ehsan di Pusat Perlindungan Baitul Ehsan di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pelawat Baitul Ehsan, Profesor Madya Dr Salasiah Hanin Hamjah.

Abdul Aziz berkata, beberapa peringatan dan nasihat termasuk surat dan notis akan diberikan ke-

pada guru berkenaan untuk memaklumkan pengambilan vaksin di lokasi terdekat sebelum tindakan tegas diambil.

“Mereka tidak perlu datang sampai ke Shah Alam untuk suntikan vaksin kerana ia membabitkan kos sebaliknya boleh dibuat di mana-mana tempat.

“Selepas vaksinasi lengkap, mereka perlu melaporkan kepada ibu pejabat MAIS,” katanya.

Katanya, ketika ini pihaknya tidak mempunyai data keseluruhan guru yang enggan divaksinasi tetapi ia membabitkan sebilangan kecil guru yang memberi alasan masalah kesihatan.



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2021**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Harian Metro                                   |
| Tajuk Berita | : | PKPS sasar RM23 juta nilai jualan produk Ehsan |
| Muka Surat   | : | 26   |



TENGGU Amir Shah (dua dari kiri) diiringi Amirudin (kiri) dan Dr Mohamad Khairil (tiga dari kiri) berkenan menyempurnakan pelancaran majlis pelancaran jenama Ehsan, semalam.

## ***PKPS sasar RM23 juta nilai jualan produk Ehsan***

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menyasarkan sekurangnya-kurangnya RM23 juta nilai jualan selepas setahun produk pertanian jenama Ehsan dilancarkan di pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, produk berasaskan makanan itu akan berada di pasar raya terkemuka, premis jualan PKPS, dalam talian, pasar borong serta bekerjasama dengan platform e-dagang mulai Januari tahun hadapan.

Katanya, pelancaran produk jenama Ehsan itu sebagai inisiatif PKPS menembusi industri runcit tempa-

tan dengan membantu memasarkan produk pengusaha perusahan kecil dan sederhana (PKS) termasuk yang terjejas akibat Covid-19.

“Ini juga salah satu inisiatif kita untuk penjenamaan dan merombak PKS berbanding tertumpu kepada pertanian atau industri seperti kelapa sawit kepada industri hiliran.

“Buat masa ini kita mempunyai 45 PKS dan jumlah itu akan meningkat kepada 150 orang yang akan menyertai projek jenama Ehsan ini.

“Sebagai permulaan, kita memasarkan 12 produk termasuk beras, minyak masak, gula dan ayam segar yang

dikeluarkan dari ladang kita sendiri serta kita sasarkan boleh pasarkan 50 produk.

“Selain itu, sasaran kita sekurang-kurangnya RM23 juta nilai jualan pada tahun pertama dan RM85 juta tiga hingga empat tahun selepas produk Ehsan berada di pasaran,” katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Produk Pertanian Jenama Ehsan di Pavillion Pameran PKPS sempena Selangor International Exhibition 2021 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam

Majlis berkenaan disempurnakan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari.



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |                                      |
|-------------------------|---|--------------------------------------|
| <b>19 November 2021</b> |   |                                      |
| Akhbar                  | : | Sinar Harian                         |
| Tajuk Berita            | : | Guru KAFA tolak vaksin boleh dipecat |
| Muka Surat              | : | 26                                   |

# Guru KAFA tolak vaksin boleh dipecat

Tindakan tegas bukan bertujuan menganiaya mana-mana pihak sebaliknya dilakukan mengikut SOP

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN  
 TAHIR

**SABAK BERNAM**

**G**uru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di Selangor yang masih berdegil tidak mengambil vaksin Covid-19 berdepan tindakan tegas termasuk boleh diberhentikan kerja.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, tindakan mengikut undang-undang akan diambil jika mereka masih ingkar dengan arahan ditetapkan.

Menurutnya, mengikut prosedur operasi standard (SOP) guru KAFA yang enggan menerima vaksin tidak dibenarkan mengajar dan berinteraksi dengan murid.

"Pada peringkat awal kita akan memberi amaran kepada guru terbabit dan ada kemungkinan diberhentikan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Hari Kecemerlangan Pelatih Baitul Ehsan-Kali Ke-13 dan Perasmian Dewan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di sini pada Khamis.

Abdul Aziz berkata, tindakan tegas itu bukan bertujuan menganiaya mana-mana pihak tetapi jika mengikut peraturan pekerjaan mereka boleh diambil tindakan jika ingkar arahan majikan.

Bagaimanapun, jelas beliau, sebelum sebarang tindakan tegas diambil termasuk pemberhentian kerja beberapa peringatan dan nasihat akan diberikan kepada pihak terlibat termasuk menghantar notis dan surat me-



Abdul Aziz (kanan) menandatangani plak perasmian pada Program Hari Kecemerlangan Pelatih Baitul Ehsan Kali Ke-13 dan Perasmian Dewan di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan pada Khamis.

maklumkan mereka boleh mengambil vaksin di tempat terdekat.

"Mereka tidak perlu datang ke Shah Alam untuk suntikan vaksin kerana ia mengambil kira pelbagai kos. Setelah sudah lengkap vaksin mereka kemudian perlu melaporkan kepada ibu pejabat MAIS," jelasnya.

Katanya, pihaknya tidak

mempunyai data keseluruhan mereka belum menerima suntikan vaksin.

"Saya tidak mempunyai bilangan yang tepat tetapi apa yang pasti ia membabitkan sebilangan kecil sahaja yang belum divaksin kerana ada di antara mereka memberi alasan disebabkan masalah kesihatan.

"Kita tidak mahu menyusahkan mereka kerana mengikut hukum Islam vaksin ini harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Kempen melalui pengambilan vaksin seperti penerangan juga telah dibuat dan misalnya masih berdegil, tindakan seterusnya akan diambil," ujarnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |                                     |
|-------------------------|---|-------------------------------------|
| <b>19 November 2021</b> |   |                                     |
| Akhbar                  | : | Sinar Harian                        |
| Tajuk Berita            | : | SIBS 2021 medium tarik pelabur luar |
| Muka Surat              | : | 27                                  |

# SIBS 2021 medium tarik pelabur luar

la inisiatif tarik pelabur ASEAN, antarabangsa terokai perniagaan di Selangor

Oleh NORAFIZA JAAFAR

**KUALA LUMPUR**

**K**etika ekonomi negara terjejas susulan penularan pandemik Covid-19, Selangor berjaya menarik pelaburan sebanyak RM38.7 bilion pada tahun lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia melibatkan pelaburan dalam dan luar negara dengan sektor pembuatan merupakan menyumbang utama sebanyak RM18.4 bilion.

Menurutnya, kerajaan negeri telah mengambil langkah awal dengan menyusun strategi bagi mendepani krisis kesihatan selain memastikan ekonomi Selangor terus berdaya tahan serta berada di landasan kukuh.

“Kerajaan Selangor berusaha membantu rakyat, pemain industri dan sektor perniagaan semasa krisis kesihatan. Pada masa sama, kami juga kekal komited untuk memberikan kemudahan kepada pelabur bagi memastikan operasi mereka berjalan lancar.

“Komitmen ini membolehkan pelabur di Selangor terus bertahan dan dapat meneruskan operasi ketika pandemik. Ini akan menjadi pendorong memacu minat pelaburan ke Malaysia khususnya di Selangor,” katanya pada Majlis Pembukaan Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2021 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini pada Khamis.

Hadir merasmikan pembukaan SIBS 2021 ialah Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Amirudin berkata, kerajaan negeri turut menyediakan pelan pemulihan ekonomi jangka masa pendek dan panjang semasa pandemik.

Katanya, beberapa inisiatif baharu akan diperkenalkan untuk memastikan kesinambungan pelan pemulihan ekono-



Tengku Amir Shah (tengah) hadir menyempurnakan Majlis Pembukaan SIBS 2021 di KLCC pada Khamis.

mi menerusi Bajet Selangor 2022 yang akan dibentangkan 26 November ini.

Beliau berkata, SIBS 2021 merupakan inisiatif kerajaan negeri menarik pelabur dari negara ASEAN dan antarabangsa meneroka perniagaan di Selangor.

“SIBS 2021 akan membentangkan peluang ekonomi yang tersedia di negeri ini terutama dalam lima kluster teras

Selangor seperti aeroangkasa, farmaseutikal dan industri makanan serta minuman terutama sektor halal.

“Selangor juga sedang giat berusaha menarik pelabur bagi Revolusi Industri 4.0 seperti automotif, perindustrian internet dan robotik yang menjadi salah satu komponen paling penting SIBS 2021,” katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |                                 |
|-------------------------|---|---------------------------------|
| <b>19 November 2021</b> |   |                                 |
| Akhbar                  | : | Sinar Harian                    |
| Tajuk Berita            | : | McDonald's bayar zakat RM2 juta |
| Muka Surat              | : | 30                              |

# McDonald's bayar zakat RM2 juta

Lakar sejarah jumlah pembayaran terbesar, manfaat asnaf di seluruh negara

Oleh TUAN BUHAIRAH TUAN MUHAMAD'ADNAN  
 Foto ROSLI TALIB



Azmir (kanan) menyerahkan zakat perniagaan kepada wakil 14 agensi pungutan zakat yang disaksikan oleh Ahmad Marzuk (tengah) pada majlis Penyampaian Zakat Perniagaan McDonald's Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021, di Putrajaya pada Selasa.



AZMIR



AHMAD MARZUK

McDonald's Malaysia mencatat sejarah tersendiri apabila menunaikan zakat perniagaan terbesar sejak rangkaian restoran khidmat segera itu diambil alih oleh anak syarikat Kumpulan Reza dari Arab Saudi, Lionhorn Pte Ltd.

Sebanyak RM2 juta zakat perniagaan bagi tahun 2021 diserahkan kepada 14 negeri dalam Majlis Penyampaian Zakat Perniagaan McDonald's Malaysia Peringkat Kebangsaan 2021, di Putrajaya pada Selasa.

Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia, Azmir Jaafar berkata, pengagihan zakat bagi setiap negeri adalah berdasarkan bilangan cawangan restoran di negeri tersebut.

Menurutnya, pembayaran zakat itu bagi memenuhi tuntutan keagamaan selaras dengan syarikatnya sebagai sebuah entiti perniagaan 100 peratus milik umat Islam.

"Zakat ini adalah salah satu daripada lima rukun Islam dan sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di lebih 300 cawangan, menyantuni komuniti di tempat beroperasi sentiasa menjadi keutamaan kami.

"Menyumbang kembali kepada masyarakat yang memerlukan adalah nilai teras McDonald's. Kami berharap sumbangan zakat kepada 14 negeri ini akan terus membantu golongan miskin di seluruh negara," katanya ketika sidang akhbar pada majlis berkenaan.

Majlis penyampaian zakat itu disaksikan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary.

### Fokus halal

McDonald's Malaysia merupakan entiti perniagaan yang pertama menerima Sijil Pengiktirafan Pembayar Zakat Korporat daripada Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama

Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) pada tahun 2019.

McDonald's turut menerima sijil sama daripada Lembaga Zakat Selangor dan sijil-sijil tersebut secara umumnya melengkapi Pensijilan Halal sedia ada yang dimiliki McDonald's Malaysia.

"Halal di McDonald's adalah merangkumi seluruh rantaian bekalan sumber dan operasi. Audit halal dilakukan oleh McDonald's Malaysia berkali-kali pada setiap tahun dalam memastikan komitmen halalnya.

"Kita menubuhkan Jawatankuasa Halal Dalamannya sejak 2013 dan mendapat khidmat pakar agama yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Pekerja juga dilatih mengenai halal dan memahami tanggungjawab dalam mematuhi piawaian halal," jelas Azmir.

McDonald's Malaysia adalah antara restoran makanan segera pertama di negara ini yang mendapat pensijilan Halal daripada Jakim.

**M**enyumbang kembali kepada masyarakat yang memerlukan adalah nilai teras McDonald's. Kami harap sumbangan zakat kepada 14 negeri ini akan terus membantu golongan miskin di seluruh negara."

- Azmir Jaafar



Azmir (belakang, tiga dari kiri) dan Ahmad Marzuk (belakang, empat dari kiri) bersama wakil 14 agensi pungutan zakat yang hadir pada majlis berkenaan.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**18 November 2021**

|              |   |                                      |
|--------------|---|--------------------------------------|
| Akhbar       | : | Astro Awani                          |
| Tajuk Berita | : | Perluas Peluang Teroka Pasaran Asean |
| Muka Surat   | : | -                                    |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**18 November 2021**

|              |   |                                      |
|--------------|---|--------------------------------------|
| Akhbar       | : | Bernama Radio 24                     |
| Tajuk Berita | : | Perluas Peluang Teroka Pasaran Asean |
| Muka Surat   | : | -                                    |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |   |
|-------------------------|---|---|
| <b>19 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                  | : | The Star  |
| Tajuk Berita            | : | Pricing guide unveiled for wholesalers, contractors |
| Muka Surat              | : | 4   |

# Pricing guide unveiled for wholesalers, contractors

Book outlines rates for bidding on Shah Alam council projects

By **AIDA AHMAD**  
 aidaahmad@thestar.com.my

SHAH Alam City Council (MBSA) has launched a guidebook on market price rates for work commonly carried out by the local authority.

It is the first local council in the country to have embarked on such an initiative.

Shah Alam deputy mayor Rashidi Ruslan said the book, *Jadual Kadar Harga MBSA 2022/2023*, would serve as a guide especially for wholesalers and bidding contractors.

The book has been published in two categories — *Building & Infrastructure Work*, and *Landscaping & Cleaning Work*.

Rashidi said the book provided a uniform price rate for the same scope of work to

wholesalers and contractors when bidding for tenders.

"MBSA prepares contracts for projects to ensure that services and facilities are provided for Shah Alam residents.

"The allocation offered by MBSA is important to ensure the work is 'value for money' and beneficial to all parties," he said in his speech at the launch of the guidebook at Wisma MBSA in Shah Alam.

As at November, he said the city council issued 405 documents for work contracts, service contracts and supply contracts.

Rashidi said based on previous tenders, MBSA found there were instances of contractors quoting inflated prices for jobs and projects.

"Common examples are when the whole-

saler's offer price for each item, in the offer document, was unreasonable and higher than current market price.

"Wholesalers are advised to be careful in pricing their jobs because appropriate pricing can benefit and facilitate both the city council and the wholesaler," he added.

The *Building & Infrastructure Work* price guide is being sold at RM50 while the *Landscaping & Cleaning Work* guide costs RM30.

Those interested can visit the MBSA headquarters or log onto [www.mbsa.gov.my/](http://www.mbsa.gov.my/) for details.

Rashidi said the price guide was usually issued by the Public Works Department.

"There are contract jobs offered by the city council, too, hence the MBSA price guide," he



Rashidi with the newly launched guidebook, which covers two categories.

said, adding that the book would be published every two years to ensure the rates provided were up to date.

After the launch, there was a briefing on the procedure to complete the tender documents.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |   |
|-------------------------|---|---|
| <b>19 November 2021</b> |   |   |
| Akhbar                  | : | The Star  |
| Tajuk Berita            | : | Selangor ideal for foreign investors as a global business hub |
| Muka Surat              | : | 6   |

## Selangor ideal for foreign investors as a global business hub

By **ZUNAIRA SAIED**  
 zunaira@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The Selangor government aims to turn the state into a centre for high-tech manufacturing to ensure long-term sustainable growth. It plans to achieve this by attracting investors with fourth industrial revolution capabilities.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the state is looking for investors with capabilities such as automation, industrial Internet of Things and advanced robotics.

He also aimed to make Selangor a global business hub, noting that this is supported by the state's strategic location. It is served by two major international airports, the second busiest container port in the region as well as multiple advanced domestic rails, road and air links to economic hubs in the country. This will appeal to investors.

